

**TITAH UCAPAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU
CANSELOR DI MAJLIS ANUGERAH SERI GEMILANG 2007
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS DEWAN 2020, KANGAR
02 MAC 2007**

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat
Malam.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala
kerana dengan limpah dan kurnianya maka dapat kita sekali lagi
bersama-sama pada majlis yang sungguh bermakna ini.

Hadirin sekalian,

2. Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang
Berbahagia Dato' Naib Canselor, pihak pengurusan dan seluruh
warga kerja UniMAP, kerana menjemput saya bagi menyempurnakan
penyampaian Anugerah Seri Gemilang 2007 ini.

3. Sebagai Canselor, sesungguhnya saya amat bangga dengan pencapaian Universiti kita setakat ini. Walaupun masih muda usianya kita telah berjaya menunjukkan keunggulannya sebagai IPTA, yang berwibawa dengan memberi fokus kepada bidang kejuruteraan, dengan amat baik sekali. Saya percaya bahawa pencapaian ini bukanlah datang dengan sendirinya. Ianya terhasil atas dasar kerjasama yang telah dimainkan oleh semua pihak terutama sekali semangat berpasukan yang telah terjalin di kalangan warganya. Seperti organisasi lain, kita tidak memandang sepi ke atas sumbangan yang diberikan oleh warga kita hingga tertegaknya UniMAP sebagai IPTA yang disegani dan dihormati. Sekaligus, kejayaan kita melahirkan para graduan yang diterima dan diktiraf oleh pihak swasta jelas menunjukkan bahawa UniMAP adalah setanding dengan universiti-universiti tersohor yang lahir terdahulu daripada kita.

4. Dalam konteks memberi pengiktirafan kepada mereka yang telah banyak berjasa kepada organisasi, maka adalah wajar bagi UniMAP mengadakan anugerah kepada ahli-ahlinya yang telah benar-benar menyumbang dan berbakti kepada organisasi. Anugerah bukanlah satu sogokan malah ia merupakan satu pengiktirafan organisasi kepada pekerja yang komited serta konsisten dalam

melaksanakan tugas dan tanggungjawab hingga membawa kecemerlangan kepada organisasi. Saya yakin dan percaya bahawa sekiranya kepimpinan pengurusan UniMAP dapat terus bekerja keras serta berkeupayaan untuk mengemudi dan mengemblingkan tenaga pensyarah-pensyarah muda dengan pensyarah-pensyarah yang lain berpengalaman dan kakitangan pengurusan dan pentadbiran di semua peringkat sebagaimana sekarang, maka akan lahirlah sebuah universiti yang dapat bersaing, bukan sahaja di peringkat kebangsaan, malah di peringkat antarabangsa sekalipun.

Hadirin sekalian,

5. Universiti adalah sebuah I.P.T yang amat disegani dan dihormati oleh masyarakat kerana di sinilah terdapatnya cendiakawan yang arif dalam bidang masing-masing. Tuan-tuan memikul tanggungjawab yang berat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, melalui pengajaran dan pembelajaran, dan akhirnya melahirkan anak bangsa Malaysia yang terlatih yang akan menabur bakti demi untuk kemajuan dan pembangunan negara. Universiti diharapkan menjadi daya penggerak serta pemangkin yang akan membawa perubahan kepada bukan sahaja masyarakat setempat tetapi negara keseluruhannya, menerusi aktiviti utamanya; seperti

pengajaran dan pembelajaran, khidmat kemasyarakatan dan juga penyalidikan dan pembangunan yakni R&D.

6. Saya bersyukur bahawa selama lebih kurang lima tahun UniMAP beroperasi di Negeri Perlis, banyak sudah faedah dan sumbangan yang dibawa oleh UniMAP kepada masyarakat Perlis khususnya. Sektor hartanah contohnya; telah dapat meraih faedah melalui permintaan penyewaan bangunan dan penyewaan rumah kediaman; sektor perkhidmatan sajian dan restoran telah memanfaatkan dari segi peningkatan permintaan terhadap makanan dan katering manakala sektor peruncitan pula mendapat faedah daripada peningkatan permintaan terhadap bekalan peralantan makmal dan pejabat, pengangkutan, perbankan dan perkhidmatan-perkhidmatan kecil yang lain.

Hadirin sekalian,

7. Saya disembang maklum bahawa Malaysia sekarang mempunyai 20 universiti awam. Ini bermakna bahawa persaingan di antara mereka, yakni dari segi menarik kemasukan para pelajar dan pensyarah untuk masing-masing belajar dan mengajar di universiti akan menjadi lebih sengit. Di samping itu, persaingan untuk

mendapat peruntukan kewangan daripada kerajaan akan juga turut bertambah lebih kompetitif. Untuk menjadi lebih berdaya saing, saya ingin mencadangkan supaya kita hendaklah sama-sama:

- (a) Pertama, memberi fokus kepada kelebihan yakni kekuatan yang ada pada UniMAP dan kelainannya dari segi penawaran program dan kurikulum yang relevan dengan kehendak industri serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan universiti-universiti yang lain.
- (b) Kedua, melaksanakan sistem tadbir urus yang berhemah tanpa terlalu bergantung kepada kerajaan seratus peratus untuk mendapat bantuan kewangan.
- (c) Ketiga, menjana pendapatan sendiri bagi menzahirkan visi dan melaksanakan misi yang dipilihnya.
- (d) Keempat, mewujudkan usahasama pintar dan jalinan bersilang yang kuat dengan universiti luar negara.

- (e) Kelima, mewujudkan kerjasama yang erat dengan industri demi untuk mendapat geran penyelidikan untuk sama-sama mengatasi masalah yang dihadapi oleh pihak industri.
 - (f) Dan keenam, membuka peluang kepada pelajar-pelajar luar negara untuk meneruskan pengajian mereka di sini dengan kos yang kompetitif.
8. Saya, secara peribadi, percaya bahawa melalui pendekatan ini, UniMAP akan tampil unggul serta unik dan menjadi universiti global kebanggaan kita semua yang kompetitif serta dapat berdikari.

Hadirin sekalian,

9. Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membuat persiapan pada kali ini. Tahniah dan syabas kepada UniMAP dan semua warganya yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi dan cemerlang dan sekaligus memartabatkan nama negeri Perlis di persada pengajian tinggi dalam negeri mahupun di luar negeri.

10. Di kesempatan ini, saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Seri Gemilang 2007 dan berharap mereka semua akan terus berbakti dan menyumbang kepada kecemerlangan UniMAP.

Sekian.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.